



Rujukan: UKM.BEN.100-1/3/3

Tarikh: 3 Disember 2024

SURAT EDARAN BENDAHARI BIL. 12/2024

Dekan/ Pengarah/ Ketua

Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PAPARAN KADAR YURAN PROGRAM AKADEMIK UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA DI LAMAN SESAWANG RASMI JABATAN BENDAHARI

Dengan segala hormatnya, izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dengan ini adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Hasil, Jabatan Bendahari telah memuatnaik kadar yuran bagi program-program Akademik dan peraturan kewangan yang berkaitan di Laman Sesawang Rasmi Jabatan Bendahari.

3. Untuk mendapatkan maklumat tersebut, pihak Ybhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh mengikuti langkah-langkah berikut:

- a) Layari **Laman Sesawang Rasmi Jabatan Bendahari** <https://bendahari.ukm.my/>
- b) Klik pada **Portal Pelajar**
- c) Klik pada **Kadar Yuran**, dan kemudian memilih kategori yang berkaitan seperti berikut:
 - i) **Asasi (Foundation); atau**
 - ii) **Prasiswazah (Undergraduate); atau**
 - iii) **Pascasiswazah (Postgraduate)**

4. Justeru itu, bagi mendapatkan maklumat terperinci disertakan juga pautan Laman Sesawang setiap Fakulti/ Institut/ Pusat untuk rujukan dan panduan pihak Ybhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan pada setiap Jadual Kadar Yuran yang disediakan.

.../2



5. Sukacita sekiranya perkara ini dapat disampaikan kepada pegawai dan kakitangan seliaan pihak Ybhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, mohon hubungi Unit Kewangan Pelajar, Bahagian Hasil di talian 019-720 8178 (h/p), 8272/ 8184/ 8183 atau emel ke ukpbendahari@ukm.edu.my

Perhatian dan kerjasama daripada pihak Ybhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“KEKAL BERINTEGRITI”

Yang Benar,



MOHD AZLI MOHD KASIRUN C.A. (M)

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM
 - Pendaftar, UKM
 - Penasihat Undang – Undang, UKM
 - Pengarah Pusat Pengurusan Akademik, UKM

-2-



Jabatan Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 3000 E-mel: bndahari@ukm.edu.my Web: <https://bendahari.ukm.my>

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my